



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan
Peperiksaan Akhir**

Kod Kursus : SJ4302
Nama Kursus : Acara Sivil di Mahkamah Syariah
Peringkat Kursus : Sarjana Muda
Masa : 3 jam

Rujukan yang dibenarkan:

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

Arahan:

Jawab **EMPAT (4)** soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (15 Markah)

Mepurut Arahan Amalan Ketua Hakim Syar'ie No. 1 Tahun 2020 "Had Masa Sebutan dan Perbicaraan Kes".

"Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 180 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar".

(a) Salah satu persediaan yang perlu dibuat oleh seorang peguam syar'ie semasa sebutan kes ialah "Kehadiran Awal ke Mahkamah" Jelaskan apakah persediaan yang dimaksudkan dengan kehadiran awal ke Mahkamah?

(3 Markah)

(b) Terangkan peruntukan mengenai "Perbicaraan hendaklah di dalam Mahkamah terbuka" di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 serta apakah jenis kes yang dibicarakan di dalam Mahkamah terbuka?

(4 Markah)

(c) Dalam kes **Noraini binti Hanipah lwn Nashruddin Shah Bhagjit bin Abdullah** (2003) JH XXIII/I, 73 Perayu telah hadir dalam hampir keseluruhan kes tersebut sewaktu peringkat sebutan, tetapi Perayu bagaimanapun telah gagal hadir pada tarikh terakhir kes tersebut disebut. Terangkan bagaimana penghakiman Mahkamah terhadap rayuan Perayu di dalam kes tersebut?

(7 Markah)

(d) Sebutkan peruntukan yang *in pari materia* dengan seksyen 121 (1) (b) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 yang disebutkan di dalam kes **Noraini binti Hanipah lwn Nashruddin Shah Bhagjit bin Abdullah** (2003) JH XXIII/I, 73 di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005?

(1 Markah)

SOALAN 2 (15 Markah)

Di dalam kes *Rayuan Mal No. 14500-001-002-2001* di antara **Khairol bin Bahari lwn Norazian binti Saidin**, di mana Hakim Bicara telah memutuskan hak *lawatan* diberikan kepada Responden tanpa kehadiran Perayu di dalam tuntutan *hadhanah*. Perayu telah berhujah bahawa penyampaian saman atau notis telah tidak dibuat dengan sempurna kerana Perayu tidak mengetahui tarikh perbincangan dan tidak pula disampaikan kepada Peguam Perayu walaupun Perayu telah melantik Peguam Syar'ienya secara sah sepertimana yang diarahkan oleh Mahkamah sebelumnya. Mahkamah Rayuan memutuskan keputusan Mahkamah Tinggi adalah tidak sah dan mengarahkan kes tersebut dibicara semula kerana penyampaian saman tidak sempurna dan tidak diserahkan sama ada kediri atau kepada peguam syar'ie Perayu kerana Perayu atau Peguam Syar'ie telah memberikan alamat yang lengkap.

- (a) Nyatakan apakah peruntukan "jika plaintif atau pemohon diwakili oleh peguam syar'ie, alamat peguam syar'ie itu hendaklah menjadi alamat penyampaiannya". (2 Markah)
- (b) Terangkan peruntukan "pengecualian penyampaian ke diri dalam kes khas". (3 Markah)
- (c) Bagaimana sesuatu penyampaian saman atau dokumen boleh dibuktikan? (3 Markah)
- (d) Berikan perkataan atau ungkapan bagi tafsiran-tafsiran berikut:-
- i. Orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman untuk pembayaran wang sama ada secara ansuran atau selainnya. (1 Markah)
 - ii. Tinggal di suatu tempat dengan tiada berniat untuk bermastautin sedangkan ia bukan juga seorang musafir. (1 Markah)
 - iii. Notis bertulis melainkan dalam apa-apa hal diperintahkan selainnya oleh Mahkamah. (1 Markah)

iv. Orang belum dewasa, orang tidak siuman dan orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya.

(1 Markah)

v. Borang yang dinyatakan dalam Jadual kedua dan borang yang dirujuk dengan suatu nombor ertinya borang yang dinomborkan sedemikian itu dalam Jadual tersebut.

(1 Markah)

vi. Harta alih atau tak alih dan termasuklah harta intelektual.

(1 Markah)

vii. Termasuklah alasan-alasan penghakimannya.

(1 Markah)

SOALAN 3 (15 Markah)

Apabila sesuatu kes telah diputuskan dan penghakiman telah dikeluarkan tidak semua keputusan atau perintah yang diputuskan oleh Hakim Bicara itu memuaskan hati pihak-pihak. Ketidakpuasan hati pihak-pihak itu mungkin disebabkan beberapa perkara yang sah dari segi undang-undang, iaitu sama ada berlaku kekhilafan fakta, kekhilafan undang-undang, kesilapan teknikal, dan pelbagai sebab lagi yang munasabah dan mungkin menimbulkan ketidakadilan.

(a) Jelaskan tatacara memfailkan rayuan mengikut Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

(8 Markah)

(b) Senaraikan dokumen-dokumen yang perlu ada di dalam Rekod Rayuan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

(5 Markah)

(c) Berapa lama tempoh diberikan kepada Responden setelah menerima Rekod Rayuan untuk menyampaikan kepada Perayu suatu Notis Rayuan Balas akan niatnya menghujah di perbicaraan rayuan itu bahawa keputusan Mahkamah yang terhadapnya keputusan itu patut diubah.

(2 Markah)

SOALAN 4 (15 Markah)

*Dalam kes **Amnah bt Shaari lwn Roderic John Brooks** (2007) JH 24/1, 33, Pemohon telah mengemukakan permohonan untuk membatalkan saman dan pliding yang difailkan oleh Responden dalam satu kes lain di Mahkamah yang sama iaitu kes Mal No. 1460-09900027-2006, iaitu saman untuk mengisytiharkan Pemohon sebagai seorang yang memeluk agama Kristian (permohonan untuk menentukan status Islam Pemohon).*

- (a) Nyatakan apakah peruntukan-peruntukan yang digunakan bagi membatalkan saman atau pliding di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005? (5 Markah)
- (b) Bagaimana pemindahan prosiding dilakukan di Mahkamah Syariah dan sebutkan 1 kes mengenai pemindahan prosiding? (5 Markah)
- (c) Nyatakan kesan penarikan balik prosiding di Mahkamah Syariah? (3 Markah)
- (d) Apakah peruntukan *sulh* dan pemberhentian tindakan di Mahkamah Syariah? (2 Markah)

SOALAN 5 (15 Markah)

*Di dalam kes (2007) JH 24//1, 27 di antara **Abdul Hamid bin Kamaruddin lwn Rohaya binti Mohamad**, kes ini adalah mengenai satu tuntutan perubahan perintah nafkah anak. Perayu, Abdul Hamid telah memfailkan permohonan untuk pengubahan nafkah anak dengan mengemukakan Notis Permohonan yang disokong oleh Afidavit. Menyedari Perayu telah tersilap permohonannya, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Lumpur telah mengarahkan pliding tersebut dipinda dan memerintahkan prosiding perubahan saman dan pènyata tuntutan.*

- (a) Apakah kesan jika berlaku kegagalan dalam mematuhi peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005? (3 Markah)

(b) Terangkan penghakiman kes (2007) JH 24/2,281 di antara **Nurfahani Uma binti Abdullah lwn Muhammad Noor Manoorajan bin Abdullah** mengenai bantahan awal pihak Responden di dalam kes tersebut.

(7 Markah)

(c) Sebutkan 5 jenis kes yang dimulakan dengan permohonan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 menurut Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie No. 1 Tahun 2015.

(5 Markah)

بالتوفيق والنجاح